

JABATAN
PERKHIDMATAN
AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14,
BANGUNAN
U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR
01-33

9hb mei 1975.

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN
BIL. 5 TAHUN 1975**

**Pembantu-pembantu Teknik yang telah dilantik
sebagai Kadet-Kadet Teknik sebelum 15hb. Mei, 1970
dan disahkan dalam jawatan selepas tarikh tersebut.**

Saya adalah diarah menarik perhatian tuan terhadap kedudukan sebilangan Pembantu-pembantu Teknik yang telah dilantik sebelum 15hb. Mei, 1970, iaitu tarikh berkuatkuasanya sekim Perkhidmatan Pembantu Teknik yang baharu melalui [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.9/1970](#), dan disahkan dalam jawatan sebagai Pembantu Teknik selepas tarikh tersebut.

2. Selepas keluarnya sekim perkhidmatan Pembantu Teknik yang baharu (yang menggunakan tanggagaji sebelum Suffian) melalui Surat Pekeliling tersebut, keraguan telah timbul berhubung dengan kedudukan Kedet-Kedet Teknik yang telah dilantik sebelum tarikh tersebut berdasarkan sekim perkhidmatan Pembantu Teknik yang lama (1965) dan masih belum disahkan dalam jawatan sebagai Pembantu Teknik selepas tarikh tersebut. Mengikut sekim yang lama itu seseorang Kedet Teknik yang:-

- (i) telah lulus Peperiksaan Teknik Jabatan;
- (ii) telah menamatkan 2 tahun perkhidmatan sebagai Teknik,

akan dilantik sebagai Pembantu Teknik dengan gaji permulaan \$475/- (pokok) atas tanggagaji lama Pembantu Teknik Tingkatan Biasa iaitu $\$475 \times 25-600/640 \times 25-765$.

3. Setelah sekim perkhidmatan pembantu Teknik baharu tersebut (yang tidak memperbekalkan apa-apa peruntukan mengenai perlantikan Kadet-Kadet Teknik dan mensyaratkan tempoh percubaan selama 3 tahun) di keluarkan, Kadet-Kadet Teknik yang belum lagi menamatkan tempoh kedetnya adalah dianggap sebagai telah dilantik sebagai Pembantu Teknik dalam percubaan dan menjalani tempoh

percubaan 3 tahun tersebut kerana mereka yang dilantik mengikut sekim lama, adalah tertakluk kepada sekim perkhidmatan yang baharu itu. Peraturan sedemikian telah menghampakan mereka yang dilantik sebagai Kedet Teknik tersebut kerana peluang mereka untuk menjadi Pembantu Teknik selepas berkhidmat selama 2 Tahun sebagai Kedet Teknik dan lulus peperiksaan Teknik Jabatan mengikut syarat sekim perkhidmatan yang lama, telah terhapus.

4. Jabatan ini telah mengkaji perkara ini dengan telitinya dan telahpun memutuskan bahawa Kedet-Kedet Teknik yang dilantik sebelum 15hb. Mei, 1970, iaitu sebelum tarikh berkuatkuasanya sekim perkhidmatan yang baharu, dan yang telah diberi tawaranbahawa mereka akan dilantik sebagai Pembantu Teknik, Tingkatan Biasa apabila mereka telah lulus Peperiksaan Teknik Jabatan dan menamatkan 2 tahun perkhidmatan sebagai Kedet Teknik adalah boleh dilantik sebagai Pembantu Teknik dan disahkan pada tarikh yang sama. Sebaik sahaja disahkan dalam jawatan, mereka adalah dibenarkan melangkah sekatan peperiksaan, iaitu dibenarkan menerima matagaji bersih Suffian \$680/- yang berasingan dengan matagaji pokok \$475/- yang lama. Keputusan ini dibuat untuk berlaku adil kepada Pembantu-pembantu Teknik yang telah dilantik sebagai Kedet-Kedet Teknik tersebut.
5. Seterusnya oleh kerana tarikh pengesahan Pembantu-Pembantu Teknik tersebut adalah berbeza dengan tarikh kenaikan gaji mereka mengikut Lampiran 'B' **Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 tahun 1970** dan pada tarikh pengesahan dalam jawatan tersebut mereka diberikan satu kenaikan gaji, Jabatan ini adalah memutuskan bahawa tarikh kenaikan gaji, Jabatan ini adalah memutuskan bahawa tarikh kenaikan gaji mereka selepas pengesahan dalam jawatan adalah jatuh pada hari ulangtahun pengesahan tersebut jika tarikh pengesahan jatuh pada 1 haribulan, atau 1 haribulan selepas hari ulang tahun itu jika tarikh pengesahan tidak jatuh pada 1 haribulan.
6. Untuk menjelaskan keputusan diperenggan-perenggan 4 dan 5 di atas di bawah ini diperturunkan suatu contoh yang berkenaan:-

Pembantu Teknik 'A'

<u>Tarikh</u>	<u>Gaji Pokok</u>	<u>Gaji Bersih</u>	<u>Kenyataan</u>
1.8.69	\$380.00	-	Tarikh Perlantikan ke Jawatan Kadet Teknik.
1.1.70	-	\$560.00	Perpindahan kepada gaji bersih Suffian.

1.6.70	-	\$600.00	Tarikh kenaikan gaji berubah menjadi 1hb. Jun berdasarkan Lampiran 'B' <u>Pekeliling</u> <u>Perkhidmatan Bil. 7/70.</u>
1.6.71	-	\$640.00	Kenaikan gaji tahunan.
1.8.71	-	\$680.00	Pengesahan dalam jawatan dan diberikan satu kenaikan gaji berdasarkan keputusan yang dirujukkan diatas. Tarikh kenaikan berubah semula menjadi 1hb. Ogos.
1.8.72	-	\$720.00	Kenaikan gaji.
1.8.73	-	\$760.00	Kenaikan gaji.

7. Berdasarkan keputusan-keputusan di atas Ketua-Ketua Jabatan adalah dipinta supaya menyemak kembali butir-butir gaji Pembantu-Pembantu Teknik yang berkenaan di Jabatan masing-masing dan membuat penyelarasan gaji yang sewajarnya.

8. Segala keputusan-keputusan Jabatan ini sebelum ini yang bertentangan dengan keputusan-keputusan di perenggan-perenggan 4 dan 5 di atas adalah terbatal dengan sendirinya.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL HALIL BIN ABDUL MUTALIB)

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-ketua Setiausaha Kementerian-kementerian,
Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

s.k

Setiausaha,
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Jalan Young,
Kuala Lumpur.